

KENYATAAN MEDIA**TIGA WIRA SWM TIDAK DIDENDANG TERIMA PINGAT PJK**

(Seremban, 28 Januari) Tiga pekerja rendah am SWM Environment Sdn Bhd Negeri Sembilan (SWM Environment) telah diberikan penghargaan dan pengiktirafan yang luar biasa daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

Pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) sempena Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir yang ke-71 kepada Puan Chan Mun Thye, Encik Abd Kadir Bin Abd Ghani dan Encik Shaik Dawood Bin A.A.S.M. Shaik Mohamed adalah penganugerahan tertinggi buat SWM Environment dan pekerja khususnya.

“Seluruh pekerja-pekerja SWM Environment merasa terharu dan teruja mendapat khabar berita penganugerahan berprestij ini.” kata Ketua Pegawai Operasi, SWM Environment, Encik Ho De Leong.

Pengiktirafan yang julung kalinya dianugerahkan kepada pekerja SWM Environment ini adalah sesuatu di luar dugaan dan impian setiap pekerja syarikat.

Katanya lagi, penganugerahan dan pengiktirafan ini juga amat bererti buat SWM Environment.

Pihak pengurusan SWM Environment amat berbangga dengan pencapaian para pekerja kerana anugerah ini merupakan pengiktirafan Kerajaan Negeri Sembilan terhadap setiap usaha keras pekerja SWM Environment.



“SWM Environment menjunjung kasih pengurniaan pingat ini oleh DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan di atas pengiktirafan berprestij ini kepada para pekerja SWM yang bekerja keras di dalam memastikan kebersihan negeri ini,” katanya.

Pengiktirafan ini juga akan menjadi inspirasi, dorongan dan motivasi buat semua warga kerja SWM Environment bukan sahaja di Negeri Sembilan malahan juga di negeri Melaka dan Johor iaitu kawasan operasi SWM Environment di Selatan Malaysia.

“Harapan syarikat agar masyarakat lebih menghargai tugas dan sumbangan pekerja SWM Environment di lapangan dan bersama-sama memainkan peranan untuk menjaga kebersihan persekitaran.” katanya lagi.

-Tamat-

Bagi pertanyaan lanjut sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari www.swm-environment.com/microsite/ bagi maklumat lanjut.

TAMAT

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD



SWM Environment Sdn Bhd. (SWM) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 6,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.